Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia





# Berbincang di Sidang UMNO



MUNGKIN ada rahsia penting yang hendak diceritakan oleh Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sehingga Setiausaha Agung UMNO Datuk Mustaffa Jabar turut mendengar dengan teliti.

Begitulah suasana di mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang di Ibupejabat UMNO, Kuala Lumpur semalam.

Kelihatan juga ahli-ahli Majlis Tertinggi yang lain, Datuk Manan Manan Osman, Datuk Rais Yatim, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datin Paduka Aishah Ghani dan Datuk Harun Idris, masing-masing membincangkan sesuatu.

Dan, di kanan: Apakah gerangan yang menyebabkan tokoh baru dan lama ini berbisik sehingga hidung masing-masing hampir bertemu?

"Kementerian Penerangan memang menakjubkan," mungkin itulah yang dibisikkan oleh Encik Adib Adam, Menteri Penerangan yang baru, kepada rakannya, bekas Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat.

Aksi kedua-dua tokoh UMNO ini juga dirakamkan di mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, semalam.

■ Foto: KHALID REDZA